



**FERDINAND Joseph Galais (kanan), Tan Hwee Sin (dua dari kiri) dan Jason Chong Khin Chung (dua dari kanan) dari UMS selepas meraih tempat ketiga dalam pertandingan Kuiz Pelaburan Nasional anjuran PNB, baru-baru ini.**

## UMS tempat ketiga kuiz pelaburan nasional

um 11.01.2012 27

KOTA KINABALU 10 Jan. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) meraih tempat ketiga dalam pertandingan kuiz pelaburan nasional anjuran Permodalan Nasional Bhd. (PNB) yang diadakan Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang, baru-baru ini.

Dalam pertandingan itu, UMS diwakili oleh penuntut tahun ketiga Program Pengurusan Kewangan dan Perbankan iaitu Ferdinand Joseph Galais dan Tan Hwee Sin serta Jason Chong Khin Chung daripada Program Perniagaan Antarabangsa, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi.

Ia merupakan pencapaian terbaik UMS sepanjang menyertai acara tahunan tersebut, sekali gus menja-

dikan UMS antara institusi pengajian tinggi (ITP) terbaik yang menyertai pertandingan itu.

Jason berkata, mereka gembira dengan pencapaian pada pertandingan itu dan menegaskan kejayaan tersebut adalah hasil semangat kerja berpasukan yang tinggi.

"Di UMS, kami sentiasa diajar untuk bekerjasama dalam satu kumpulan kerana hasilnya akan menjadi lebih baik berbanding bekerja secara bersendirian. Dengan kemenangan ini, ternyata ia terbukti," katanya.

Bagi Ferdinand dan Hwee Sin pula, mereka bersyukur kerana diberi peluang mewakili UMS dalam pertandingan berprestij ini dan berjaya memenangi tempat ketiga, me-

ngatasi universiti lain.

"Ini merupakan kali pertama kami menyertai pertandingan sebegini dan ternyata pengalaman yang diperoleh amat bernilai dan berguna untuk masa depan kami.

"Sememangnya, pengalaman sebegini memang tidak akan kami lupakan untuk manfaat masa depan, terutama dalam aspek pendidikan," tambah mereka lagi.

Sebanyak 33 institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/S) seluruh negara menyertai pertandingan tersebut.

Sementara itu, Ketua Program Pengurusan Kewangan dan Perbankan, Amer Azlan Abdul Jamal berkata, pihaknya kagum dengan pen-

capaian penuntut berkenaan dalam pertandingan itu.

"Semangat juang tinggi yang mereka tunjukkan amat saya kagumi. Setinggi penghargaan saya tujukan kepada pihak sekolah dan universiti kerana telah menghasilkan pelajar berdaya saing sebegini," katanya.

Beliau berkata, pencapaian cemerlang itu telah membuka mata ramai pihak tentang kemampuan sebenar UMS meletakkan diri mereka setanding universiti yang lain di negara ini.

"Terbukti kita juga mampu menghasilkan modal insan yang berdaya saing, berintelektual tinggi serta mempunyai kemahiran insaniah tinggi yang diperlukan untuk memacu nama negara kelak," ujarnya.